

# **AL-QURAN AL-KARIM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA**

## **MENYEDARI KEWAJIPAN**

(III)

“ . . . kita harus fikirkan kembali berapa besarnya dan pentingnya bahagian kebudayaan kita yang asli, yang bukan pinjaman dari Barat, yang tersimpan di dalam huruf Arab, huruf tulen Quran itu” demikian salah satu wasiat al-Marhum Haji Agus Salim kepada seluruh tingkatan bahasa Indonesia yang berjiwa Islam, sebagaimana yang tertulis di dalam risalahanya yang berharga yang bertajuk “Kebudayaan” dan telah juga tersiar di dalam majalah “Hikmah”.

(Oleh Haji Agus Salim)

Kemudian dunia Islam mengalami keruntuhan oleh serbuan dari Timur, oleh bangsa-bangsa peperangan yang gagah perkasa, bangsa-bangsa Tartar, Uzbek, Seljuk, yang menghancur binasakan hasil-hasil kemajuan kebudayaan selama lima abad. Untuk keuntungan dunia dan manusia syukurlah masa itu dunia Eropah telah timbul semula dari jurang kegelapan dengan berkat dorongan kebudayaan Islam yang dahulu itu.


Tetapi pada masa kita ini, yang kita telah dapat membaharuui pengetahuan kita tentang jasa-jasa kebudayaan Islam yang asli itu, dan tinggi nilainya untuk akal, budi pekerti dan rohani, untuk kebendaan dan kemakmuran dan juga membaharuui pengetahuan tentang sebab-sebab runtuhnya sampai hampir musnah loput hilangnya, patut pula kita sedar akan kewajipan kita sebagai satu bangsa Islam, untuk tidak melupakan, tidak mengabaikan, melainkan menghargakan ajaran masa lalu itu, yang pertama kali mengusahakan pemberantasan buta huruf, atau lebih jelas tegas menyiarkan pengajaran baca tulis. Kita harus

fikirkan kembali berapa besarnya dan pentingnya bahagian kebudayaan kita yang asli, yang bukan pinjaman dari Barat, tersimpan di dalam huruf Arab, huruf tulisan Quran itu.

Maka dalam masa yang negara kita membelanjakan berjuta-juta Rupiah untuk memberantas buta hruf, dengan mengajarkan huruf Latin, janganlah kita sebagai satu bangsa Islam membiarkan terhenti anak-anak kita belajar mengaji Quran. Supaya di samping kepandaian “baca tulis” dengan huruf Latin pandai pula mereka “baca tulis” dengan huruf Arab! Mudah-mudahan dengan demikian dapatlah kembali kita memiliki pusaka warisan seni bahasa dan lain-lain pelajaran adat, agama dan lain-lain yang asli daripada bangsa kita sendiri. Oleh kerana untuk rakyat jalan itulah yang dapat mendekatkan kita kepada alam fikirannya sehingga dapat kita sungguh-sungguh memberi pimpinan kepada mereka.

Satu perkara lagi hendak saya tambahkan berkenaan dengan kewajipan belajar mengaji Quran, sebagai jalan

menyarkan kepandaian “baca tulis”  
 yang dengan tegas sekali dinyatakan di dalam  
 Quran menjadi pintu untuk mempelajari  
 segala pengetahuan yang belum diketahui  
 tadinya. Iaitu di dalam firman Allah yang  
 mula-mula sekali diturunkan dengan wahyu  
 kepada Nabi Muhammad ﷺ: ‘alaihi wa sallam:  
 “Baca! Maka adalah Tuhanmu amat  
 dermawan, yang Ianya mengajar dengan Qalam,  
 (dengan tulisan kata tafsir):  
 Mengajari manusia barang yang belum ia  
 tahu. “Lebih ditegaskan lagi oleh sabda  
 yang diberitakan daripada Rasulullah (SAW):  
 “Catatkanlah pengetahuan dengan tulisan.”  
 Sudah panjang sekali keterangan yang  
 saya huraikan. Sampai khuatir saya  
 kalau-kalau sampai menjemu. Tetapi perkara  
 ini saya rasakan sungguh-sungguh sangat  
 penting dan sudah terlalu lama diabaikan.  
 Kita dan terlebih sekali pemerintah  
 negara kita, yang sudah beroleh kurnia  
 kemerdekaan dan kedaulatan, lepas  
 bebas dari kekuasaan bangsa asing,  
 dan pemimpin-pemimpin kita, melupakan sahaja  
 rupanya. Masih beratus ribu  
 bangsa kita tetap terus menggali (kekak – P) mengaji  
 Quran dan kitab-kitab agama dengan huruf Arab masih tetap  
 mereka membaca dan menulis bahasa Jawa, bahasa Madura,  
 bahasa Sunda, bahasa Melayu dan Indonesia dan lain-lain  
 lagi bahasa-bahasa daerah dengan huruf Arab. Tetapi pemerintah  
 kita dan pemimpin-pemimpin kita malah pemimpin-pemimpin Islam pun  
 juga tidak memikirkan lagi bahawa pemimpin-pemimpin agama bangsa  
 kita yang kita katakan lebih sembilan puluh peratus beragama  
 Islam, kiyai dan santri, guru-guru dan murid-murid madrasah,



*Sekolah tinggi bandar Lahore Pakistan. Dari sekolah tinggi  
 inilah sebahagian besar dari pelajar-pelajar Islam Pakistan mendapat  
 didikan tinggi yang telah membentuk jiwa sehingga menjadi orang-orang  
 yang terkemuka.*

\* \* \*

dan orang-orang kita yang masih mengekalkan berdirinya sembahyang  
 dengan jemaah, di langgar dan surau, dan dengan Juma’at  
 di masjid-masjid, bahawa mereka beratus ribu, malah mungkin  
 berjuta-juta jumlahnya, masih umumnya membaca dan menulis  
 dengan huruf Arab; pada hal sebahagian besar mereka  
 “buta huruf” dengan huruf Latin.


#### Meneruskan Politik Penjajahan?

Maka pemerintah kita dan pelbagai parti, perhimpunan,

persyarikatan dan lembaga-lembaga masyarakat, mencurahkan usaha tenaga dan biaya untuk memberantas buta huruf Latin dan menyiarangkan bacaan-bacaan dengan huruf Latin sahaja. Dengan demikian kita meneruskan politik penajahan pada masa yang lalu itu, yang sengaja hendak menghapuskan “baca tulis” dengan huruf Arab dan melenyapkan segala bacaan huruf Arab dari kalangan masyarakat kita.

Salah satu akibat daripada politik itu ialah bahawa di negeri kita ini tak ada percetakan-percetakan yang dapat mencetak dengan huruf Arab. Kecuali satu dua buah yang terbatas pekerjaan untuk bangsa dan bahasa Arab. Dan akibat pula daripada ketiadaan persiapan-persiapan percetakan huruf Arab itu, ialah bahawa bacaan golongan bangsa kita yang masih melayani bacaan Quran dan kitab-kitab agama, terbatas kepada bacaan kitab-kitab lama, cetakan batu atau klise (blok). Sehingga tidaklah hairan, bahawa, faham mereka tetap kuno, tidak mendapat kemajuan, sesuai dengan zaman dan kemajuan dunia. Bahkan “Minbar Agama” yang diterbitkan oleh Kementerian Urusan Agama pun terpaksa memakai klise bila hendak mencetak karangan dengan huruf Arab. Ini bukanlah kerana tak ada kelengkapan huruf Arab dari Morocco di Maghrib melalui Aljazair, Tunis, Trabolis (Tripolis), Libya dan Mesir, Lubnan dan Suria, Jordan dan Iraq, Saudi Arabia dan Yaman, Iran, Afghanistan, dan Pakistan menyeberang ke Malaya dan Singapura, beratus-ratus macam suratkhabar harian dan majalah, risalah dan kitab-kitab dikeluarkan oleh beratus-ratus percetakan huruf Arab.

Tetapi di negeri kita sampai kepada saat ini belumada saya mendengar satu parti politik atau perhimpunan agama atau lembaga masyarakat, biar yang memakai nama Islam pun juga berniat atau berikhtiar hendak mengadakan percetakan huruf Arab. Bahaya dan bencana keadaan itu untuk kebudayaan sesuai dengan budi pekerti dan akhlak yang



*George Bernard Shaw pujangga Inggeris yang terkenal. Semasa hidupnya pernah menghargai ajaran Islam.*

menjadi pokok asli daripada bangsa kita, patut sekali difikirkan oleh pemerintah dan pemimpin serta pemuka-pemuka kita semua bukan hanya yang beragama Islam sahaja. Bunyi suara bacaan Quran makin berkurang di negeri kita ini, yang memakai nama negeri Islam. Seolah-olah menggambarkan makin kurangnya faham-faham ajaran-ajaran Quran di hati bangsa kita. Sehingga . . . . . bagaimana akan akhirnya? Mungkinkah kita akan mendapat kemajuan kebudayaan, jika terlebih dahulu kita membiarkan luput pokok kebudayaan yang sebesar-besarnya itu?

(Dalam siaran “Qalam” yang akan datang akan disajikan lagi buah pena al-marhum Haji Agus Salim, bertajuk “Persamaan Hak dan Kewajipan” iaitu menjelaskan jasa al-Quran al-Karim kepada umat manusia – P.)